

PM: Rakyat perlu jaga semangat nasionalisme

UM 30 AUG 1965

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad matam ini mengingatkan rakyat supaya menjaga semangat nasionalisme kerana jika tidak dijaga, kemerdekaan yang dikecap sekarang ini akan hilang sebagaimana yang dialami oleh beberapa negara lain di dunia.

Kemerdekaan bukan sahaja boleh terlucut melalui penjajahan yang lama tetapi ia juga boleh terlucut mela-

lui penjajahan kebudayaan," tegas beliau.

Katanya, mereka boleh menguasai kebudayaan rakyat negara ini dan oleh kerana itu, semangat nasionalisme hendaklah dijaga.

"Apabila kita mencapai kemerdekaan, kita telah menjadi satu bangsa. Kebudayaan yang menjadikan kita satu bangsa di samping kita juga tinggal di tempat yang sama," tambah beliau lagi.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika be-

rucap di majlis jamuan makan malam meraikan barisan penentang-penentang Malayan Union, malam ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya menekankan nasionalisme tidak bermakna pegangan agama dibelakangkan tetapi rakyat di negara ini harus mempertahankan identiti mereka sendiri dan ini tidak dilarang oleh Al-Quran.

Perdana Menteri yakin, kalau semangat nasionalisme ini disebarakan kepada

generasi muda dan ia dimiliki oleh setiap rakyat di negara ini Malaysia akan menjadi negara yang kuat dan bermaruah, setanding dengan negara dan bangsa lain di dunia.

Datuk Sri Dr. Mahathir mencadangkan supaya dijemput rakan-rakan dari Sabah, Sarawak dan kaum-kaum lain yang bersama-sama berjuang menuntut kemerdekaan negara ini untuk bersama-sama menyertai barisan penentang Malayan Union merayakan sambutan Hari Kebangsaan setiap tahun.

"Walaupun mereka tidak menentang Malayan Union, saya percaya, kalau mereka juga menghadapi Malayan Union dahulu, mereka akan bersama-sama menentangnya," kata Datuk

Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa di Sabah dan Sarawak, pada tempoh masa yang hampir sama, rakyat peribumi di sana khususnya orang Melayu, juga menentang penjajahan Inggeris.

"Walaupun mereka tewas, semangat perjuangan itu diteruskan oleh generasi kemudian sehingga mereka mencapai kemerdekaan daripada Inggeris melalui Malaysia," kata beliau.

Oleh kerana itu, tambah beliau, wajarlah mereka turut bersama-sama barisan penentang Malayan Union merayakan sambutan Hari Kebangsaan iaitu hari di mana rakyat negara ini menjadi satu bangsa yang merdeka.